KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA

JAWATANKUASA PERINGKAT TERTINGGI (*HIGH-LEVEL COMMITTEE*) UNTUK PEMBANGUNAN DESA

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) terus memperkukuh agenda pembangunan luar bandar menerusi penubuhan rasmi ***High-Level Committee*** **(HLC) Pembangunan Desa**, satu platform strategik peringkat tertinggi bagi yang membincangkan dasar dan pelaksanaan pembangunan desa secara menyeluruh, merentas kementerian dan agensi.

Mesyuarat pertama HLC yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah telah berlangsung pada hari ini dengan menyatakan persetujuan secara prinsip terhadap penubuhan HLC Pembangunan Desa dan Jawatankuasa Kerja HLC Pembangunan Desa. HLC akan menjadi medan perbincangan strategik yang berimpak tinggi dengan **menumpukan kepada enam bidang fokus utama pembangunan desa** iaitu pendidikan; pembangunan usahawan; ekonomi desa; teknologi dan pendigitalan; pelancongan desa dan infrastruktur desa.

Sebanyak **12 kementerian dilantik sebagai ahli tetap HLC**, yang akan bermesyuarat sekurang-kurangnya **dua kali setahun**.

YAB Timbalan Perdana Menteri turut mengumumkan empat (4) inisiatif rentas kementerian yang telah dimulakan sebagai langkah awal pelaksanaan, iaitu:

i. **UP_TVET** – Pemerkasaan sistem permohonan berpusat bagi kursus Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
ii. **Inap Desa Tahun Melawat Malaysia 2026**

iii. **Karnival Mega 3 Dimensi (KM3D)** – Platform keusahawanan berskala besar
iv. **Sistem Tunggal Permohonan SBP-MRSM** – Dilaksanakan untuk ambilan 2026 bagi menyelaras akses pendidikan berkualiti

Penubuhan HLC ini sejajar dengan **aspirasi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang dibentangkan pada 31 Julai 2025**, khususnya dalam memperkukuh tata kelola pembangunan desa dan memastikan penyampaian perkhidmatan yang telus, tangkas dan tuntas. Melalui HLC, kerajaan menzahirkan komitmen jitu untuk memastikan komuniti desa bukan sekadar penerima manfaat, malah menjadi pemacu utama dalam landskap pembangunan negara.

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
14 OGOS 2025